

Teguran LKAN peluang organisasi tambah baik pengurusan kewangan

Oleh Dr Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin

bhrencana@bh.com.my

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2026 Bagi Laporan Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2024 menyorot 143 agensi Persekutuan dengan nilai bersih aset sebanyak RM1.9 trilion terdiri daripada nilai aset keseluruhan RM2.838 trilion, ditolak nilai liabiliti keseluruhan RM871 bilion.

Sebagai perbandingan, terdapat peningkatan aset sebanyak RM142 bilion berbanding nilai aset keseluruhan berjumlah RM2.7 trilion dan nilai liabiliti keseluruhan RM871 bilion pada tahun sebelumnya.

Bagi 2024, RM30.5 bilion geran Persekutuan diperuntukkan dengan pecahan RM16.6 bilion sebagai geran mengurus, manakala baki RM13.8 bilion sebagai geran pembangunan.

Sebagai perbandingan, jumlah geran mengurus meningkat RM304 juta berbanding RM16 bilion pada 2023, manakala geran pembangunan menyaksikan penurunan peruntukan RM3.4 bilion berbanding RM17.32 bilion pada 2023.

Berdasarkan penelitian dan semakan audit dilakukan, menjadi tanggungjawab Ketua Audit Negara membuat pandangan serta memberikan ulasan semua perkara berhubung akaun, wang dan simpanan awam berdasarkan Fasal (1) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan.

Justeru segala syor, ulasan, perakuan dan pandangan Ketua Audit Negara kebiasaannya dizahirkan melalui Sijil Ketua Audit Negara.

Secara umum, Sijil Ketua Audit Negara mengandungi pendapat audit boleh dikategorikan kepada dua, iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubah Suai.

Pendapat Tanpa Teguran diberikan apabila Ketua Audit Negara berpandangan penyata kewangan disediakan memberi gambaran benar dan saksama serta penyediaannya selaras piawaian perakaunan.

Pendapat Diubah Suai pula diberikan apabila berlaku salah nyata material menyebabkan penyata kewangan tidak menunjukkan gambaran benar dan saksama.

Perkara ini berlaku disebabkan penyediaan penyata kewangan tidak mengikut piawaian perakuan atau tiada dokumen sokongan membolehkan semakan dibuat terhadap penyata kewangan berkenaan.

Terdapat tiga kategori Pendapat Diubah Suai boleh dikeluarkan, iaitu Pendapat Berteguran, Pendapat Bertentangan dan Penafian Pendapat.

Bagi Pendapat Berteguran ia berlaku apabila penyata kewangan mempunyai salah nyata material, tetapi tidak menyeluruh. Dalam hal ini, audit mendapati terdapat isu tertentu dalam penyata kewangan seperti ketidakpatuhan piawaian atau had skop pemeriksaan, namun isu ini tidak memberi kesan menyeluruh kepada keseluruhan penyata kewangan.

Seterusnya, Pendapat Bertentangan merujuk kepada penyata kewangan mempunyai salah nyata material dan menyeluruh. Ini bermakna penyata kewangan ini tidak menggambarkan kedudukan kewangan sebenar organisasi.

Penafian Pendapat pula merujuk kepada penyata kewangan tidak disokong bukti mencukupi menyebabkan berlaku ketidakpastian material dan menyeluruh.

Justeru, dalam situasi ini, audit tidak dapat mem-

bentuk atau memberikan sebarang pendapat mengenai penyata kewangan.

Berdasarkan LKAN 1/2026, sebanyak 143 Sijil Ketua Audit Negara dikeluarkan bagi laporan kewangan 2024 meliputi 131 badan berkanun, sembilan Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah serta tiga agensi Persekutuan lain.

Rekod perakaunan diselenggara teratur

Secara keseluruhan, sebanyak 128 (89.5 peratus) daripada 143 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan 2024 menerima Pendapat Tanpa Teguran, menunjukkan kedudukan kewangan benar dan saksama serta rekod perakaunan berkenaan diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

Baki 15 (10.5 peratus) Penyata Kewangan Agensi Persekutuan 2024 menerima Pendapat Diubah Suai menunjukkan kelemahan perekodan menyebabkan penyata kewangan tersalah nyata dan perlu dibuat pelarasan dalam penyata kewangan 2025.

Secara terperinci, kesemua 15 penyata kewangan ini menerima Pendapat Berteguran ini bermaksud penyata kewangan masih memberikan gambaran

benar dan saksama, kecuali terdapat perkara tertentu seperti dinyatakan dalam LKAN. Perkara ini juga dikenali sebagai 'kecuali bagi'.

Seperti contoh, fokus utama audit LKAN 1/2026 terhadap Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mendapati ketidakteraturan dalam kutipan hasil yuran dan perbelanjaan.

Ini termasuk terkurang nyata pendapatan yuran pelajar sebanyak RM19.8 juta, pelaburan terlebih nyata RM450,000, aset terkurang nyata keseluruhan berjumlah RM320,000 dan perbelanjaan tidak teratur RM740,000.

Walaupun terdapat isu berkaitan ketidakteraturan pengurusan kewangan dalam perkara di atas, secara keseluruhan penyata kewangan UKM masih menggambarkan kedudukan kewangan benar dan saksama kecuali bagi perkara seperti dinyatakan di atas.

Secara keseluruhannya, penyata kewangan menerima Pendapat Berteguran dalam LKAN memerlukan organisasi berkaitan untuk melakukan maklum balas segera dan tindakan pembetulan.

Jika syor kutipan hutang yuran tidak dapat diselesaikan, ia akan memberi risiko hutang yuran itu tidak dapat dikutip UKM dan perlu membuat peruntukan untuk hutang ragu pada masa hadapan. Yang penting, penyata kewangan menerima Pendapat Berteguran tidak bermaksud pengurusan kewangan sesebuah organisasi tidak baik secara keseluruhannya.

Selain perkara dinyatakan untuk penambahbaikan, secara amnya pengurusan kewangan disediakan masih mematuhi garis panduan dan standard pelaporan ditetapkan.

Ruang penambahbaikan secara tidak langsung akan memberikan peluang kepada organisasi menambah baik pengurusan kewangan di masa hadapan.

“ Secara keseluruhannya, penyata kewangan menerima Pendapat Berteguran dalam LKAN memerlukan organisasi berkaitan untuk melakukan maklum balas segera dan tindakan pembetulan ”



Organisasi perlu memastikan penyata kewangan mematuhi piawaian perakaunan.

(Foto hiasan)